




Untuk video layari
www.hmetro.com.my/mymetrotv



SULTAN Muhammad V diiringi Najib dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, semalam.



SULTAN Muhammad V memeriksa kawalan kehormat ketika tiba di Dataran Parlimen.



YANG DI-PERTUAN AGONG KE-15

Aorion netro
14/12/16


MLS 10-11

SIMBOL DAULAT NEGARA

■ Sultan Muhammad V lafaz sumpah pegang jawatan dalam upacara penuh istiadat



NAJIB membaca Surat Pengisytiharan Memegang Jawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-15 pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-15 di Istana Negara, semalam.



ANGGOTA Tentera dari Pasukan 41 Bateri RAD (Istiadat) Kem Sungai Buloh melepaskan tembakan meriam sebanyak 21 das sempena istiadat keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke 15, Sultan Muhammad V di Tasik Perdana.



SULTAN Muhammad V berkenan menerima Surat Pengisytiharan Memegang Jawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-15 daripada Najib.

H. netro
14/12/16
mls 10

>> Sultan Perak Sultan Nazrin Shah turut lafaz sumpah pegang jawatan sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong



HARIAN METRO

Harian Metro
10/12/16
mls - 11

Mohd Nasif Badruddin, Siti Nor Hidayatidayu Razali, Siti A'isyah Sukaimi dan Mohd Zulhairie Manzaidi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sultan Kelantan Sultan Muhammad V melafaz sumpah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 dalam upacara penuh adat istiadat di Istana Negara, semalam.

Turut melafaz sumpah memegang jawatan ialah Sultan Perak Sultan Nazrin Shah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Baginda berdua dipilih oleh Raja-Raja Melayu pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-243 (Khas) di Istana Negara pada 14 Oktober lalu, bagi tempoh lima tahun bermula semalam.

Sultan Muhammad V menggantikan Sultan Kedah Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang tamat tempoh pemerintahan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 kelmarin.

Upacara di balairung seri semalam bermula dengan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) yang dipengerusikan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan oleh kedua-dua Seri Paduka Baginda.

Istiadat dimulakan dengan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Datuk Syed Daniah Syed Ahmad tampil menyembahkan Surat Sumpah Jawatan kepada Sultan Muhammad V yang kemudiannya melafazkan Sumpah Jawatan sebelum menandatangani diikuti Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin dan Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail turut menandatangani

sebagai saksi.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja kemudian menyembahkan pula Surat Sumpah Jawatan kepada Sultan Nazrin yang kemudiannya melafazkan sumpah jawatan sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong sebelum menandatangani diikuti tandatangan oleh Sultan Mizan Zainal Abidin dan Tuanku Syed Sirajuddin sebagai saksi.

Acara di balairung seri kemudiannya diteruskan dengan istiadat menandatangani perisytiharan memegang jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong dan timbalannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menyembahkan Surat-surat Perisytiharan memegang jawatan untuk ditandatangani.

Najib kemudian membaca perisytiharan bahawa Sultan Muhammad V telah mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15, manakala Sultan Nazrin pula mengangkat sumpah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong disusuli dengan bacaan doa oleh Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri sebelum Najib mengetuai upacara menghadap diikuti jemaah menteri serta orang kenamaan.

Terdahulu, keberangkatan tiba Sultan Muhammad V di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

jam 10.05 pagi menaiki pesawat khas dari Kelantan disambut Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah bersama kerabat Diraja Selangor serta Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk

Seri Dr Salleh Said Keruak.

Sebaik turun dari pesawat, baginda berkenan melalui Kawalan Kehormat Setempat oleh Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja (RRD) terdiri daripada 28 pegawai dan anggota diketuai Kapten Mohd Hafiz Mohamar Noor.

Ketibaan baginda di Dataran Parlimen kira-kira jam 11 pagi untuk sambutan rasmi Istiadat Keberangkatan Tiba Yang di-Pertuan Agong ke-15 disambut Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor sambil diiringi tiupan nafiri.

Baginda kemudian diiringi ke Pentas Diraja, melintasi pasukan kawalan tombak, diikuti dengan persembahan tabik Hormat Diraja oleh pasukan Kawalan Kehormat Utama yang disusuli lagu Negaraku oleh Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) diketuai Kapten Muhammad Nor Azizah Yahya.

Serentak dengan itu, bendera peribadi Yang di-Pertuan Agong dikibarkan diikuti dengan 21 das tembakan meriam.

Sultan Muhammad V kemudian memeriksa pasukan kawalan kehormat terdiri daripada 103 anggota dan empat pegawai dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai Mejar Mohd Ridhwan Basheer.

Istiadat negara itu diteruskan dengan bacaan doa oleh Dr Zulkifli disusuli dengan tabik Hormat Diraja serta lagu Negaraku untuk kali kedua sebelum baginda berangkat ke Istana Negara.

Sementara itu, di Kota Bharu, Sultan Muhammad V sempat bersalaman, memohon restu bonda baginda Tengku Anis Tengku Abdul Hamid sebelum berangkat ke ibu negara bagi penyempurnaan istiadat pertabalan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15.

Raja berjiwa rakyat gigih terap nilai rohani

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong ke-15 Sultan Muhammad V bukan sekadar raja berjiwa rakyat, malah selaku ketua agama Islam baginda menunjukkan contoh teladan dengan menjadi imam dan membaca doa selain sering menghadiri majlis keagamaan di merata tempat.

Gegihgan Sultan Muhammad V menerapkan nilai ke-rohaniaan dalam kalangan masyarakat Islam terpancar jelas dengan keperibadian baginda sendiri selain penganjuran program 'Qiam With Me' yang diadakan pada setiap Ramadan sejak 2011.

Program diadakan pada jam 10 malam selepas solat Isyak dan Tarawih, disusuli kuliah agama oleh penceramah jemputan dan qiamullail sehingga sahur dan solat Subuh berjemaah bersama baginda.

Selesa berpakaian jubah atau baju Melayu dengan kain pelekat dan berkopiah putih, Sultan Muhammad V tidak kekok untuk turun padang bertemu rakyat tanpa protokol menyelami susah senang dialami mereka.

Malah, Sultan Muhammad V yang sering membahaskan diri sebagai 'ambo' atau 'kita' ketika bertemu rakyat menunjukkan baginda begitu merendah diri dan prihatin serta tidak mahu ada jurang antara mereka.

Menyingkap sisi peribadi, Sultan Muhammad V, 47, adalah putera sulung daripada empat beradik kepada pasangan Sultan Ismail Petra dan Tengku Anis Tengku Abdul Hamid yang diputerakan pada 6 Oktober 1969 di Kota Bharu.

Tiga adinda baginda ialah Tengku Mahkota Kelantan Tengku Dr Muhammad Faiz Petra, 42, Tengku Muhammad Fakhry Petra, 38, dan Tengku Amalin A'ishah Putri, 34.

Baginda ditabalkan sebagai Tengku Mahkota Kelantan pada 6 Oktober 1985 mendapat pendidikan awal pra sekolah di Tadika Fatima Convent, Kota Bharu (1974-1975) kemudiannya di Sekolah Sultan Ismail I, Kota Bharu (1976-1981).

Pada 1983, baginda melanjutkan pelajaran ke Sekolah Antarabangsa Alice Smith, di sini dan Oakham School Rutland, England sehingga 1989.

Baginda kemudian melanjutkan pengajian dalam bidang kajian diplomatik di St. Cross College, Oxford serta di Oxford Centre for Islamic Studies (1989-1991).

Baginda melanjutkan Pengajian Perhubungan Diplomatik dan Pentadbiran perniagaan di Huron University College, London, Pengajian Perhubungan Diplomatik di Deutsche Stiftung Internationale Entwicklung, Berlin dan European Business Administration di European Business





SULTAN Muhammad V melafaz sumpah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15.

Baginda yang gemarkan aktiviti lasak seperti bermain go-kart, menembak, memamah, badminton, boling dan bola sepak turut menggalakan rakyat bersama baginda menyertai Program Walkathon D'Raja Kelantan sejak 2011 dengan berjalan sejauh 10 kilometer di Kota Bharu.

Program anjuran Pertubuhan Kerabat D'Raja Kelantan Al-Muhammadi itu diiktiraf oleh Malaysia Book Of Records sebagai penyertaan terbesar Walkathon Diraja Malaysia pada 2011 selepas berjaya mengumpul seramai 21,111 peserta dan pada 28 Oktober lalu menarik penyertaan lebih 21,000 orang serta buat pertama kali diadakan pada waktu malam.

tration di European Business School London.

Baginda yang juga aktif dalam organisasi berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraan, kini adalah Kolonel Yang Dipertua Rejimen Artileri Diraja dan pernah dilantik sebagai Komander 506 Askar Wataniah berpangkat Brigedier Jeneral.

Sultan Muhammad V yang juga Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) turut terbabit dalam bidang sosial dan kebajikan termasuk peratuan serta yayasan.

Sebagai penaung kepada Yayasan Sultan Kelantan, baginda banyak membantu memberi sumbangan kepada golongan kurang bernasib baik.

»INFO

- **Baginda selesa berpakaian jubah atau baju Melayu dengan kain pekat dan berkopiah putih**
- **Sultan Muhammad V yang sering membahaskan diri sebagai 'ambo' atau 'kita'**
- **Baginda yang gemarkan aktiviti lasak seperti bermain go-kart, menembak, memamah, badminton, boling dan bola sepak**